

20 OCT 2001

Mahathir-Apec

ASIA PUNYA PELUANG LEBIH BAIK BAGI GLOBALISASI YANG PRODUKTIF

Oleh: Mohd Kamel Othman & Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 20 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asia mempunyai peluang yang lebih baik memulakan satu bentuk globalisasi yang lebih produktif sekiranya ia boleh bersatu dan menyediakan satu contoh globalisasi yang produktif, penyayang dan ihsan.

"Kita harus berusaha keras untuk menubuhkan satu Sistem Kewangan Asia. Kita perlu berusaha ke arah mewujudkan mata wang Asia yang stabil," kata Perdana Menteri ketika memberi ucapan pada Sidang Kemuncak CEO Apec 2001 di Pudong Shangri-La, di sini, hari ini.

Dalam ucapatanya yang bertajuk, "Globalisasi Dengan Pembangunan Bersama", Dr Mahathir berkata negara-negara perlu menyingkirkan pemikiran tradisi "memiskinkan jiran" dan menerima pakai etika "memakmurkan jiran".

"Sekiranya rakan kita di tempat-tempat lain tidak bersedia untuk membantu, mereka tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada kemajuan. Sekiranya mereka tidak boleh menjadi sebahagian daripada penyelesaian, mereka perlu menghindarkan diri dan tidak menjadi sebahagian daripada masalah," katanya kepada lebih daripada 500 ketua pegawai eksekutif syarikat-syarikat terkemuka dunia dari ekonomi-ekonomi anggota Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.

Dr Mahathir adalah antara lapan pemimpin Apec yang menghadiri Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Apec kesembilan yang dijemput berucap di sidang kemuncak CEO selama tiga hari itu. Pemimpin lain adalah Presiden China Jiang Zemin, Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Presiden Russia Vladimir Putin, Presiden Mexico Vicente Fox, Perdana Menteri New Zealand Helen Clark, Perdana Menteri Australia John Howard dan Ketua Eksekutif Hong Kong, Tung Chee Hwa.

Dr Mahathir berkata kemajuan yang diperlukan Asia di masa-masa akan datang hanya boleh dicapai daripada tindakan negara dan inisiatif individu.

"Kita tidak berjuang untuk membebaskan diri hanya untuk belajar tunduk. Kita mempunyai hak, malahan kita bertanggungjawab untuk berusaha bagi faedah rakyat dan masa depan kita. Kita harus menerima nasihat, dan jangan bertolak ansur dengan mereka yang suka mengarah," katanya.

Beliau juga berkata negara-negara Asia mesti bersedia untuk "bersetuju dengan segera kepada bentuk tertentu globalisasi. Dan kita mesti bersedia untuk menyatakan tidak apabila jawapannya sepatutnya tidak dan sentiasa berpandukan kepada pragmatisme.

Dr Mahathir berkata Asia Timur mendapat banyak manfaat daripada beberapa aspek globalisasi dan juga menerima kesan buruk daripada beberapa aspek globalisasi lain sejak ia diperkenal, diamal dan diberi penekanan sehingga hari ini.

"Kita perlu bekerja keras untuk meningkatkan persamaan kos dan faedah," katanya, sambil menegaskan pendidikan dan pengetahuan penting bagi daya saing dalam dunia globalisasi.

"Kita harus memastikan kita membuat pelaburan yang perlu dalam sumber negara yang paling penting -- iaitu rakyat kita sendiri."

Dan dalam analisis terakhir, Dr Mahathir berkata negara-negara Asia perlu memastikan rakyatnya memahami bantuan yang diperlukan setiap manusia adalah daripada dirinya sendiri kerana Tuhan membantu sesiapa yang membantu dirinya sendiri.

"Ia adalah perkara yang sama sebelum era globalisasi. Ia adalah yang sama hari ini. Ia akan sentiasa menjadi benda yang sama di masa depan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA  
MKO RBZ SHY ZK RON